

KHUTBAH JUMAAT

“KESEDARAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR PERLU DIPERTINGKATKAN DI KALANGAN WARGA MALAYSIA” (10 November 2023M/ 19 Rabiulakhir 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالْتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ
حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُؤْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus

tajuk "**Kesedaran Kelestarian Alam Sekitar Perlu Dipertingkatkan Di Kalangan Warga Malaysia**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Negara kita Malaysia telah menikmati pembangunan pesat dari pelbagai segi sejak negara mencapai kemerdekaan. Kepesatan ini didorong oleh komitmen dan daya usaha pihak kerajaan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan bagi memastikan keselesaan kepada rakyat. Pelbagai projek peningkatan infrastruktur dirancang dan dilaksanakan merangkumi pembinaan sekolah, empangan, lapangan terbang, lebuhraya baharu dan lain-lain.

Arus pembangunan yang pesat menjadikan pembangunan di negara kita berdaya saing dalam sektor ekonomi dan perindustrian serta telah meningkatkan taraf hidup rakyat. Kepesatan dan pembangunan di negara ini juga mendapat pengiktirafan di peringkat global. Buktinya, setiap tahun pelbagai pelabur dari serata dunia meletakkan Malaysia antara negara yang berada dalam senarai pendek mereka untuk menjalankan pelaburan.

Namun, impak positif dari kepesatan ini juga menyebabkan wujudnya kesan negatif dan salah satunya berkaitan keseimbangan alam sekitar dan ekosistem. Persoalan ini perlu diutarakan kepada semua pihak yang terlibat termasuk kita sebagai masyarakat yang akan mendapat manfaat daripada pembangunan itu.

Isu pencemaran alam sekitar tidak boleh dilihat sebagai isu sampingan malah perlu diletakkan sebagai indikator penting dalam

kemajuan sesuatu projek. Peranan penggerak sesuatu projek pembangunan dan pelaksanaannya penting bagi memastikan setiap langkah yang dilakukan diselangi dengan kaedah pelestarian alam yang berkesan bukan hanya dilaksanakan seperti melepaskan batuk di tangga.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alam sekitar adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan. Allah *subhanahu wata'ala* telah mencipta alam ini dengan sempurna dan seimbang untuk kemakmuran manusia.

Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, hujan sebagai sumber air. Demikian jugalah dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan yang dijadikan untuk memenuhi keperluan hidup manusia.

Setiap perkara yang diciptakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* menjadi tanda yang menakjubkan, penuh bermakna dan menunjukkan keagungan-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Taha, ayat 53-54:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُّلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ
مَاءً فَأَحْرَجَنَا بِهِ أَرْوَاحَنَا مِنْ تَبَاتٍ شَتَّى {٥٣} كُلُّوا وَأْرْعُوا أَنْعَمَّكُمْ إِنَّ
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْلِمُ الْأَنْهَى {٥٤}

Maksudnya: (*Dia lah Tuhan*) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang yang berakal fikiran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Persoalan yang sering timbul ialah sejauhmana kita merasa kebertanggungjawaban dalam memastikan kelestarian alam ini. Tabiat tidak mengapa, yang segelintir masyarakat kita amalkan apabila berlaku sesuatu perkara berkaitan alam sekitar, perlu diubah kerana tabiat seperti ini akhirnya akan menjadikan kehidupan sendiri.

Pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaian kita sendiri. Allah *subhanahu wata'ala* memperingatkan kita melalui firman-Nya di dalam Surah al-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْقِهِمْ بَعْضَ
أَلَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ {٤١}

Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan

manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan.

Sesungguhnya, hubungan manusia dan alam sekitar sememangnya rapat, malah kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Sekiranya satu musnah, maka kesan buruknya adalah kepada satu lagi pihak. Maka tidak hairan apabila Islam begitu menitikberatkan tanggungjawab manusia untuk mengekalkan keharmonian dunia dan menjaga segala isi alam anugerah Yang Maha Pencipta. Amaran dan peringatan Allah kepada semua makhluk menjaga kelestarian alam sekitar seperti diterjemahkan melalui firman-Nya dalam Surah al-A'raf, ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَذْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا ۝ إِنَّ رَحْمَةَ
اللهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ {٥٦}

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2023 baru-baru ini, khatib ingin menyeru semua pihak agar menghayati peranan sebagai khalifah yang memikul amanah Allah *subhanahu wata'ala*. Pemahaman akan peranan

sebagai khalifah ini termasuklah tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar perlu diterapkan di dalam diri setiap anggota masyarakat.

Setiap anggota masyarakat boleh bertindak sebagai sukarelawan alam sekitar atau menyertai NGO yang berorientasikan kelestarian alam sekitar dalam melaksanakan dan mengamalkan gaya hidup lestari. Pelbagai kaedah dan prinsip boleh diaplikasikan di dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar dan salah satunya adalah Prinsip Maqasid Syariah. Prinsip Maqasid Syariah atau objektif syariah perlu dihayati dan diaplikasikan dalam menangani isu pengurusan ekosistem serta alam sekitar.

Antara prinsip Maqasid Syariah iaitu memelihara akal, nyawa dan harta merupakan prinsip-prinsip yang sangat berkait rapat dengan kelestarian alam sekitar. Akal fikiran yang waras sangat penting dalam memastikan pemeliharaan alam sekitar diberi perhatian dan keutamaan dalam pembangunan sesebuah negara. Ini tidak lain bertujuan menjaga kesihatan dan nyawa orang awam yang berkemungkinan terjejas kerana kegagalan untuk menjaga bumi dan alam sekitar sebagai harta yang diamanahkan kepada khalifah di muka bumi untuk menjaganya dan menerokai sumber alam dengan berhemah dan bertanggungjawab.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati antara kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

Pertama: Alam sekitar adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan dan menjadi tanggungjawab manusia untuk menjaga kelestariannya.

Kedua: Isu pencemaran alam sekitar tidak boleh dilihat sebagai isu sampingan malah perlu diletakkan sebagai indikator penting dalam kemajuan sesuatu projek.

Ketiga: Pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaian kita sendiri.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qasas, ayat 77:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْتَكَ اللَّهُ الْدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ { ٧٧ }

Maksudnya: *Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah*

engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْحُلَفاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلِلَ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّلْ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ
كَلِمَاتَهُمْ، وَزَلِزلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلْطُ عَلَيْهِمْ كُلُّا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارَ يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،
إِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ
عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْأَعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.